



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 29 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	APMM TAHAN EMPAT NELAYAN MYANMAR, SINAR NEGERI TERENGGANU, SH -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TINGKAT PENDAPATAN PETANI, XPRESI, METRO AHAD -38	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4.	LPP MAHU JPS DITEMPATKAN SEMULA BAWAH MOA, NEWS, SELANGORKU -6 CALL TO PLACE IRRIGATION AND DRAINAGE DEPT UNDER AGRICULTURE MINISTRY, HOME, BORNEO POST (KK) -3	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	NAFAS BANTU 200 MURID GOLONGAN B40, SINAR NEGERI PAHANG, SH -30	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6.	496 HEKTAR TANAMAN PADI TERJEJAS, SINAR NEGERI PERLIS, SH -34	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	50 YEARS OF EMPOWERING THE AGRICULTURE SECTOR, SUNDAY STAR -1	AGROBANK
8.	LAMBAKAN PUNCA BAWANG DI PEKAN GOLOK MURAH, NASIONAL, BH -35	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

APMM tahan empat nelayan Myanmar

FOTO: IHSAN APMM ZON KEMAMAN



Anggota penguat kuasa memeriksa salah seorang nelayan asing yang ditahan di perairan negara.

KEMAMAN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kemaman menahan empat nelayan warga Myanmar kerana menangkap ikan di perairan negara kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, dua bot fiber yang dinaiki nelayan itu dikesan ketika berada di kedudukan dua batu nautika dari Kuala Kemaman.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan selepas mendapati kehadiran dua bot fiber yang tidak mempunyai nombor pendaftaran itu berada dalam keadaan mencurigakan.

"Sejurus menyedari kehadiran kami, mereka cuba melarikan diri tetapi gagal kerana sekitar kawasan sudah dikepung.

"Hasil pemeriksaan lanjut,

mereka hanya memiliki kad UN-HCR (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian) dan gagal mengemukakan lesen serta permit kebenaran menangkap ikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sebelum ditahan," katanya dalam satu kenyataan media dikeluarkan semalam.

Rashidilhadi berkata, pihaknya turut merampas 20 kilogram ikan pelbagai jenis serta peralatan menangkap ikan yang bernilai keseluruhan RM60,000.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM6 juta bagi tekong dan RM600,000 untuk awak-awak manakala bot boleh dilucut hak," katanya.

PROFIL

FREDAH MENYERTAI LADANG KONTRAK:

1. Petani mendapat jaminan pasaran ke atas produk yang dikeluarkan
2. Menjana dan menambah pendapatan
3. Jaminan bantuan khidmat nasihat teknikal dan pengurusan ladang yang lebih sistematik daripada agensi dan jabatan
4. Jaminan kemudahan kredit input kepada ahli Pertubuhan Peladang Kawasaan
5. Menikmati peluang menjalani kursus dan latihan untuk meningkatkan motivasi serta pengetahuan dalam bidang pertanian

JENIS BUAH TERSEKUTUAI DALAM LADANG KONTRAK:

1. Belimbing
2. Duku
3. Mangga
4. Nanas
5. Lembilak

6. Pisang
7. Jambu Batu
8. Pitaya (buah Naga)
9. Limau Bali
10. Nangka
11. Cempedak
12. Rambutan
13. Manggis
14. Durian

16 JENIS SAYUR TERSEKUTUAI DALAM LADANG KONTRAK:

1. Cili
2. Tomato
3. Kubis
4. Kacang buncis
5. Kacang panjang
6. Kacang bendi
7. Timun
8. Terung
9. Petola
10. Malis tua
11. Labu
12. Keledek
13. Ubi kayu
14. Tebu
15. Jagung
16. Resele

AGRO

Oleh Zaidi Saadli
zaisa@hmetro.com.my

Sektor pertanian kian berkembang pesat. Jika dahulu pertanian sering didefinisikan hanya kegiatan bercucuk tanam, kini ia dianggap sebagai keseluruhan proses mulai dari pengeluaran oleh petani hingga produk sampai ke tangan pengguna.

Kebaikan sektor pertanian kepada negara ini ia dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.

Malah, sektor ini juga menjanjikan pulangan lumayan kepada pihak pengusahanya secara bersungguh-sungguh.

Sektor pertanian tidak pernah diunggulkan kerajaan.

Banyak langkah yang dibuat kerajaan untuk memajukan lagi sektor pertanian negara.

Ia dilihat antara usaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia seterusnya membantu menambah pendapatan.

Dalam usaha menjadikan pertanian sebagai perniagaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menerusi agensinya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), memperkenalkan Program Ladang Kontrak sebagai satu mekanisme membantu pengusaha



PENGGUNA memilih sayuran dan buah-buahan segar dijual terus petani



TIMBALAN Ketua Pengarah Operasi FAMA, Mohd Anis Yusin membuat lelongan produk dalam JTDL di pasar raya di Kuantan, Pahang.



NANAS antara buah-buahan yang tersenarai dalam ladang kontrak.



DURIAN pada harga lebih murah daripada pasaran di JTDL.

TINGKAT PENDAPATAN PETANI

JTDL anjuran FAMA tawar harga lebih murah untuk pengguna

pertanian berskala kecil dan sederhana memasarkan hasil tani mereka.

Program itu memberi jaminan pasaran melalui konsep kontrak pemasaran di antara pengeluar dengan FAMA atau usahawan tani. Ia dijalankan secara integrasi di bawah konsep MOA Inc memabtkan agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Lembaga

Pertubuhan Peladang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.

Termasuk juga Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia, Agrobank, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah serta Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak.

Menjamin kewujudan pasaran dan seterusnya

meningkatkan pendapatan pengeluar, di samping mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan serta sayur-sayuran melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran berstematik antara objektif program ini.

Selain itu, program itu untuk mempertingkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayuran



melalui perancangan pengeluaran dan pemasaran bersestematik serta mempercepatkan pemindahan teknologi dalam rantaian bekalan.

Skop program membabitkan petani di bawah pengelolaan agensi kerajaan lain yang bekerjasama.

Manakala FAMA dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia bertindak sebagai pembeli dan bersetuju menjamin pasaran hasil tanaman dengan petani mengeluarkan hasil tanaman mengikut jenis, varieti, kualiti, gred, pembungkusan dan jadual pengeluaran yang ditetapkan.

Seterusnya, program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) dianjurkan FAMA sebagai inisiatif menyediakan outlet pemasaran kepada usahawan yang juga peserta ladang kontrak mempromosikan produk hasil pertanian dan industri bas tani kepada pengguna pada harga yang berpatutan.

JTDL mampu menawarkan harga lebih berpatutan kepada pengguna iaitu lima hingga

20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran dan harga yang munasabah kepada pengguna sekitar 50 peratus daripada harga pengguna.

Program sebegini menggalakkan peserta ladang kontrak membuat jualan terus hasil pertanian masing-masing kepada pengguna tanpa membabitkan orang tengah dan dengan ini mereka mampu mendapat pulangan tinggi.

Impak JTDL bukan saja memberi pendedahan kepada peserta bagi membuat jualan produk yang lebih kemas, tersusun dan teratur, malah mendisiplinkan mereka dengan pematuhan peraturan ditetapkan outlet serta didedahkan dengan kemahiran berhadapan dengan pelanggan.

Bagi pengguna, mereka dapat membuat belian sayuran dan buah-buahan terus daripada ladang, pada masa sama didedahkan dengan ilmu dan pengetahuan dalam bidang pertanian dengan pertemuan terus dengan petani.

Cara itu membantu

mengurangkan kos sara hidup dengan pembelian dengan harga yang lebih rendah dari pasaran.

Dalam JTDL, pelbagai produk pertanian segar ditawarkan pada harga berpatutan kepada pengguna diadakan di lokasi terbuka seperti pekarangan pejabat FAMA, pasar tani, tapak ekspo dan pasar raya.

Pada tahun ini, FAMA meluaskan program JTDL di lapan pasar raya seluruh Malaysia bermula Mac hingga Oktober lalu, berbanding hanya satu pasar raya tahun lalu. Sepanjang tempoh berkenaan, jumlah jualan keseluruhan JTDL di lapan pasar raya berkenaan mencecah RM1.3 juta dengan bilangan usahawan 143 orang.

Nilai jualan JTDL di lokasi selain pasar raya mencatat RM4.3 juta dengan bilangan keseluruhan penganjuran 485 kali membabitkan 860 usahawan.

Secara keseluruhan nilai jualan JTDL di semua saluran pemasaran mencatatkan jumlah RM5.6 juta sehingga September lalu.



ORANG ramai memilih sendiri buah-monggo segar.



PESERTA JTDL berpeluang berdepan sendiri dengan pengguna.



BUAH naga atau pitaya dapat permintaan tinggi pengguna.



PENGERUSI FAMA, Ishak Ismail (dua kanan) merasmikan JTDL di pekarangan Ibu pejabat FAMA di Selangor.

Headline	LPP mahu JPS ditempatkan semula bawah MoA		
MediaTitle	Selangorku (www.selangorku.com)		
Date	29 Dec 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

LPP mahu JPS ditempatkan semula bawah MoA

BUKIT MERTA JAM, 29 DIS: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) meminta kerajaan meletakkan semula Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), bagi mengelakkan masalah saliran dan perparitan terutamanya di k...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Call to place Irrigation and Drainage Dept under Agriculture Ministry		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	29 Dec 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	149 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 415
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,245



Call to place Irrigation and Drainage Dept under Agriculture Ministry

BUKIT MERTAJAM: The Farmers' Organisation Authority (LPP) has urged the government to place the Department of Irrigation and Drainage (JPS) under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) so that irrigation and drainage problems could be tackled more effectively.

LPP chairman Datuk Mazlan Aliman said most of the activities related to JPS involved agricultural areas and the department should be placed under MOA instead of the Ministry of Water, Land and Natural Resources.

He said that recently several Area Farmers' Organisations (PPKs) suffered from dry paddy fields due to inadequate water supply, especially during the dry season due to the poor irrigation system.

"I inspected the affected areas yesterday, namely PPK Jejawi and PPK Paya in Perlis, where about 400 hectares of paddy fields were affected. A similar case occurred in Kelantan a few months ago. The issue here is the irrigation system that is unable to cope with the problem (water supply) during a prolonged drought.

"The trend in both states is similar, so I propose that the JPS, which is now under the Ministry

of Water, Land and Natural Resources be once again placed under the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry," he told a press conference after Penang LPP's 'Back To School' programme here yesterday.

Mazlan said at present, whenever there was an irrigation and drainage problem in farm areas, he could not issue any directives to the JPS, and could only invite its representatives to give briefings.

He said it was high time for water retention systems to be built near dams where there is an insufficient water supply, especially during the drought.

"When we build a water catchment area, it can supply water to paddy fields in the event of a long dry season. Similarly, I would like to identify areas for tube welling or boring to address the shortage of water supply to paddy fields.

"In addition, ahead of the dry season, the drainage should be well maintained including the pumps... this can somewhat reduce the damage which can affect the farms. That's my recommendation," he said.

Earlier, Mazlan handed RM100 vouchers to 100 of 271 children of Penang LPP members, sponsored by Agrobank. - Bernama

Nafas bantu 200 murid golongan B40

MARAN - Seramai 200 murid terpilih menerima bantuan persekolahan daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menerusi program Jom Ke Sekolah.

Bantuan berjumlah RM30,000 itu diberikan kepada golongan B40 dari Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Maran, Chenor dan Seri Kerdau.

Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Normah Yusof berkata, setiap penerima mendapat baucar membeli-belah barangan persekolahan bernilai RM150.

Menurutnya, program tersebut bertujuan membantu meringankan beban keluarga berpendapatan rendah dan sederhana dalam menyediakan keperluan persekolahan anak mereka.

"Kali ini kita beri keutamaan kepada mereka yang menerima bantuan Yayasan Pahang.

"Pada mulanya kita menetapkan baucar sebanyak RM200 namun kita memecahkan kepada RM150 supaya lebih ramai peneri-



Normah (tengah) menyampaikan baucar kepada penerima terpilih sempena program Jom Ke Sekolah Peringkat Negeri Pahang di SK Desa Jaya, Bandar Pusat Jengka semalam.

ma mendapat bantuan ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian program itu di Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Jaya, Bandar Pusat Jengka di sini semalam.

Hadir sama, Pegawai Penyelia Daerah Pahang Tengah yang juga wakil Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Pahang, Zahari Yahya dan Guru Besar SK Desa Jaya, Zuraidah Abu Bakar.

Pada majlis sama, turut dilancarkan perasmian

Unit Rantau Perintis dalam usaha menambahkan keahlian menerusi PPK Chenor.

"Sesuai dengan kehadiran ibu bapa hari ini (semalam), kita membuka kaunter pendaftaran dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 300 ahli pada tahun depan.

"Ini peluang terbaik untuk mereka yang bergelar ahli merebut peluang dan manfaat yang disediakan seperti pinjaman, tabung dan geran yang ditawarkan sebagai ahli peladang," katanya.

496 hektar tanaman padi terjejas

337 pesawah rugi, bekalan air tidak masuk ke petak sawah

NORJULIANA YAACOB

KANGAR

Seramai 337 pesawah di kawasan Paya dan Jejawi mengalami kerugian ekoran bekalan air tidak masuk ke petak sawah.

Sistem pengairan tidak sempurna didakwa menjejaskan 496 hektar tanaman padi milik petani di kawasan berkenaan.

Salah seorang petani, Othman Dat, 60, berkata, pintu yang menyalurkan air ke petak sawah seolah-olah sengaja tidak dibuka sedangkan air banyak.

Menurut Othman, sudah lima tahun pintu air di kawasan berkenaan rosak dan dibiarkan begitu sahaja tanpa kerja-kerja penyelenggaraan.

"Jika keadaan ini berte-



Petani menunjukkan hasil padi yang tidak menjadi kerana tidak mendapat bekalan air.

rusan, kami bimbang tiada apa untuk dituai bagi musim ini," katanya ketika ditemui kelmarin.

Menurut Othman, bagi petani yang berkemampuan, mereka akan membeli pam air sendiri.

"Dengan adanya pam air, mereka boleh pam air dari tali air berdekatan," katanya.

Mengakui masalah sama, Halid Sabu, 64, berkata, dia tidak sanggup lagi menghadapi situasi sebegini.



ASRUL



HALID

"Semua petani ada tanggungjawab masing-masing terutama sekarang ini perlu berbelanja untuk keperluan sekolah anak-anak," katanya.

Katanya, pihak berkuasa harus buka mata dan melihat masalah ini dengan teliti agar penyelesaian dapat diperoleh.

Difahamkan, keseluruhan sawah padi di kawasan itu adalah di bawah penyelenggaraan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis.

Sementara itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sena, Asrul Nizan Abd Jalil berkata, memang terdapat usaha daripada kerajaan untuk mengembangkan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini.

"Saya minta supaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani koordinat dengan kerajaan

negeri agar disegerakan perkara itu hingga ke kawasan Jejawi, Repoh dan Sempering," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPS Perlis, Ir Asmol Adzhan Abd Manap ketika dihubungi berkata, pihaknya akan mengadakan lawatan ke kawasan yang terjejas dalam masa terdekat bagi mengumpulkan permasalahan dan aduan.

Katanya, masalah pengairan turut berlaku di kedua-dua kawasan hulu dan hilir kawasan pertanian terbabit.

"Begitu pun proses pengumpulan maklumat yang terperinci sedang dijalankan," katanya.

Dalam pada itu, Exco Pertanian Perlis, Nurulhisam Yaacob dalam satu kenyataan memberitahu, pihaknya akan mencari jalan tengah bagi memastikan masalah semua pihak diselesaikan.



Othman menunjukkan petak sawah miliknya yang merosot kerana tidak mendapat bekalan air.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2019	SUNDAY STAR	MUKA DEPAN	1

The people's paper

Sunday Star

SUNDAY 29 DECEMBER 2019 PPP9057/03/2013 (031623) INO. 22024) RM1.00

PELANCARAN
VISI & MISI BAHARU

7 November 2019



**50 years of
Empowering the
Agriculture Sector**



New Vision

**ADVANCING AGRICULTURE
BEYOND BANKING**

1969
2019
#Agrobank50Tahun



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/12/2019	SUNDAY STAR		2

EMPOWERING THE AGRICULTURAL SECTOR TO ACHIEVE SUSTAINABLE GROWTH THROUGH VBI*

As a Development Financial Institution (DFI) with a strong focus on Islamic finance, Agrobank's business activities have always centered on community core thrusts of VBI*. Agrobank believes it carries greater responsibility as a value-based financial intermediation. Agrobank is committed in

1 SUPPORT GROWTH OF SMEs IN AGRICULTURE

Agrobank offers a wide range of specialised financing programmes for small and medium-sized enterprises (SMEs) involved in the agricultural value chain to grow their businesses.

2 INCREASE THE SSL* OF AGRICULTURE TO ACHIEVE STABLE FOOD SECURITY

Agrobank supports the sustainability of food production through the provision of financing across the value chain of the agriculture industry.



1 PROVIDE MICRO FINANCING TO TARGETED LOWER-INCOME

As a DFI, Agrobank extends the right support to uplift the marginalised customer segments including indigenous, lower income B40, women, and disabled to bridge the income divide in rural and semi-urban areas.

2 GREATER FINANCIAL INCLUSION

Ensuring unserved and underserved communities have access to financing services to better their economic situation.

3 PROVIDE AFFORDABLE PROTECTION FOR THE LOWER-INCOME SEGMENT

The Bank introduces takaful protection programmes which are affordable yet provide the necessary coverage needed for unserved and underserved community such as B40 and Persons with Disabilities (PWD).

Notes:
 *VBI - is a strategic intermediation concept introduced by Bank Negara Malaysia (BNM) in 2017 with the aim to improve the products and services offered by Islamic financial institutions to
 *SSL - Self sufficiency level

he real economy via the agriculture sector, elements of VBI* have been deeply rooted in the Agrobank's core values and business activities. development and empowerment, investment in entrepreneurial development and enhancement of environmental sustainability, which are the ties to influence a social change and creating values to the people and the planet, over and above its usual profits oriented banking activities. transforming banking to another level in assisting its customers and their local communities thrive financially, socially and environmentally.

3

PROVIDE ACCESS TO FINANCING ACROSS AGRICULTURE VALUE CHAIN

Over the years, Agrobank has expended its portfolio of financing solution by designing financing programmes to support business model across agriculture value chain from production, processing, storage, marketing and other services.



OMIC
OPMENT

AGRO
BANK
-BASED
ATION (VBI)

ENVIRONMENTAL
SUSTAINABILITY



1

PROMOTE GOOD AGRICULTURE PRACTICES

Advocating good agriculture and environmental best practices through MyGAP certification, MSPO certification & Environment Impact Assessment (EIA) as a guide in reviewing financing applications.

2

SUPPORT MODERNISATION FOR ENVIRONMENTAL

Providing financing for upgrading/modernising of agriculture sector including fishing methods for sustainability of ecosystem of marine ecology.

words a better facilitation of entrepreneurship, community well-being, sustainable environment and economic growth, without compromising on shareholders' returns.



Wu Yue Dong,
Woon Chin & Son Agriculture Sdn Bhd



Arika Licholoi,
Hamidah Foods Industries Sdn Bhd



Azmi Jusoh



Abdullatif Khamis,
Ama Amai Enterprise



Lim Ah Tiang,
Gong Fishery



Your Strategic
Agri-business Partner



Wafiq Hasmidi Bahar & Roslina Abdul Rashid,
Smart TV Marketing Sdn Bhd



Ramona K. Naidu,
Fertex Plantation (M) Sdn Bhd



Zarida Zakaria,
Sinar ZZ Enterprise



Saqaf Azmir Zolouddin



Kamsar Anuk Hariz,
Kina Ruzar Agribiz



Mazlan Ramlee,
Wong Along General Trading



Ramarazlan Abdul Jalil,
Dawa Selatan Beef Sdn Bhd



Ibrahim Yeo Abdullah,
Ira Enterprise Sdn Bhd



Ooi' Lian Mei Poo,
Lai Hin Trading Sdn Bhd



Derek Yip Yim Fook,
Evergreen Livestock Sdn Bhd



Nor Wayoffi Sanin,
Mawar Ria Service

Harga bawang merah naik mendadak

Lambakan punca bawang di pekan Golok murah



Tinjauan BH mendapati harga bawang merah di Pekan Golok dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan. (Foto Zaman Hari Isr/BH)

Sungai Golok: Bekalan bawang merah di pekan Golok, Thailand didapati dijual lebih murah berbanding Kelantan berikutan lambakan bekalan.

Tinjauan BH di pekan berkenaan mendapati harga bawang merah dijual antara RM8 hingga RM9 sekilogram, berbanding RM10 hingga RM13 di Kelantan. Malah, harga bawang merah di kedai runcit sekitar Rantau Panjang bersebelahan pekan Golok turut mencecah RM13 sekilogram.

Peniaga di Thailand mendakwa harga bawang merah naik sehingga RM8 dan RM9 sekilogram sejak bulan lalu, berbanding dijual antara RM3 hingga RM4 sekilogram sebelum itu.

Mereka memaklumkan, bekalan diperolehi dari Kelantan sebelum diseludup masuk ke Thailand.

Seorang peniaga berusia 45 tahun yang enggan dikenali ber-

kata, Thailand mempunyai dua jenis bawang merah, iaitu bawang Thailand yang dijual RM11 sekilogram dan bawang merah dari Malaysia.

"Permintaan tinggi penduduk ialah bawang merah dari Malaysia kerana lebih murah."

"Bekalan kami diperolehi daripada pembekal bawang merah di Kelantan. Kami bawa masuk bawang melalui Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS)," katanya di sini, semalam.

Oleh kerana bekalan dibawa masuk tanpa permit, mereka hanya meletakkan sedikit bawang dalam bakul dan hanya mengeluarkan selebihnya jika ada pembeli mahukan kuantiti besar.

"Tu sudah lama kami amalkan di sini kerana ia adalah satu kesalahan, begitu juga tepung gandum dan minyak masak yang ditempatkan dalam kuantiti kecil," katanya.